



KOPI PAHIT

Tengku bilang bahawa peraduan Ratu¹ Cantik itu adalah pada pendapatnya tidak bertentang dengan hukum Islam! Orang hanya mengeluh – Wahai dunia!

*

Soal hiburan seperti wayang gambar, kelab malam dan tarian bogel yang terdapat di negeri kita ini adalah sederhana dan tidak keterlaluan jika dibandingkan dengan negeri Jepun – ujar Raja Zulkifli bin Raja

Borhan di Dewan Mesyuarat Negeri Selangor di dalam bulan puasa ini. Melihat namanya kan ia seorang Islam! Sekali lagi orang hanya mengeluh – Wahai dunia!

*

Peristiwa ini mengingatkan kepada peristiwa lama di Singapura – nun mula-mula Petir berkuasa. Mana yang kuning dibuang – yang dipandang kuning diharamkan termasuk majalah “*Aneka Warna*”. Tetapi sekarang – apakah tidak kuning atau lebih kuning lagi kalau wanita-wanita Russia pernah turun di sini dengan hanya berjalan di khalayak ramai dengan pakaian baju mandi! Menteri Kebudayaan diam – setiap hari yang dicap kuning dahulu tersiar terus di dalam akhbar – ya barangkali masa itu matanya terang kan sekarang dah tua matanya kabur terutamanya kalau memandang yang kuning – salah-salah pandang terpancang putih – kan begini logik! – Wahai dunia!

*

Sukarno bilang dia tak dapat

berpuasa kerana sakit *kidney* dan doktor suruh minum banyak-banyak tidak tahu apakah ia sesudah bicara itu minum di hadapan ramai! Kalau minum di hadapan ramai tentunya melanggar adab sopan Islam – tidak beradab.

Tetapi apa digaduhkan – kan orang kebal Sukarno yang lidahnya seperti ular – berpusing-pusing dan licin! Begitulah wahai dunia!

*

Sufiah, Ketua Buruh Gaji Hari Singapura tatkala bertemu dengan Perdana Menteri Lee Kuan Yew, bilang Lee sudah lupa kepada kawan-kawan lama! Ya Sufiah ini kan perkara biasa di dalam dunia – orang selalu berjanji dengan kawan-kawan tetapi lupa kemudiannya. Sebab itu mestilah ingat-ingat berkawan – “Buat baik berpada-pada buat jahat jangan² sekali. Begini wahai dunia!

*

Begitu juga dunia! Kalau dahulu kecil dan kemudian jadi besar dan berkuasa lalu tidak mahu menahan mulut dari berkata-kata – asal bercakap sudahlah – sedap tidak sedap tidak difikirkan – adakah orang nanti ingat mahu balikkan paku buah keras – juga tidak difikirkan. Hidup di dunia kan tidak selama-lamanya di atas – satu masa turun juga dan satu masa balik kepada pangkuan bangsanya. Sebab itu kalau dah besar – jaga-jaga mulut kerana mulut itu harimau kamu! Siapakah yang selalu begitu!? Dengar sahaja selalu suaranya di dalam radio

– tidak menjadi perkara yang sulit – cuma, ya sekali lagi cuba kalau disebut namanya mungkin ada yang marah – kan ini sudah terang – mengapa mesti bersuluh lagi?

*

Peraduan Qur’an – *mā shā’a Allāh* – telah sempurna diadakan dan mendapat sambutan luar biasa. Usaha yang baik ini sepatutnya dijaga sebaik-baiknya supaya mana-mana didapati ada retaknya diperbaiki supaya jadi lebih baik siarannya luas – Televisyen Malaysia menyiarkannya terus-menerus selama peraduan itu diadakan dan seluruh umat Islam umumnya terus-menerus mengikuti peraduan itu. Di sana nampaklah peserta-peserta wanita dengan jelas apa yang dipakainya. Setengah orang terpegun kerana di dalam bentuk wanita-wanita itu keadaannya sedikit menyolok mata – tidak seperti pakaian yang dikehendaki oleh Islam – rambut-rambutnya berfesyen-fesyen. Adakah ini tidak dapat diperbaiki dan diusahakan lebih baik? Mudah-mudahan mendapat perhatiannya!

*

Pertentangan di antara saudara Lee Kuan Yew dengan Sufiah mengenai langkah Buruh Gaji Hari mahu adakan pemboikotan sudah sebegitu rupa. Dua berteman ini sekarang nampaknya mahu saling cacar-cakaran. Lee bilang orang-orang India yang bekerja di sini dapat wang terus hantarkan wangnya ke India tidak sebagai orang macam Lee – kerana tidak ada hubungan lagi dengan orang-orang asal keturunannya. Ya, bagi Lee boleh jadi tetapi bagaimana yang lainnya? Adakah orang-orang Tionghua yang mungkin hantar wang ke negeri asalnya tidak ada? Mengapa tidak disebut! – Dunia, sekali dunia wahai dunia – **Cemeti al-Farouk.**

¹ Ditambah ke teks asal untuk melengkapkan ayat berdasarkan kesesuaian teks.

² Ditambah ke teks asal untuk melengkapkan peribahasa.